

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 04 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada paras gaji yang diterima pekerja di negara ini sepadan dengan beban dan produktiviti mereka serta menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi memastikan ia seimbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Kementerian melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia sentiasa berusaha bagi memastikan wujudnya keseimbangan dan saling kaitan antara upah dan produktiviti yang dihasilkan. Langkah ini dilaksanakan melalui Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). PLWS mewujudkan hubungan saling melengkapi di antara upah dan produktiviti pekerja. Berdasarkan sistem ini, upah yang diperolehi akan meningkat seiring dengan produktiviti dan prestasi pekerja.
2. Melalui pelaksanaan dan pengamalan sistem ini, ia membolehkan pekerja-pekerja mendapat upah yang adil hasil daripada peningkatan produktiviti dan prestasi mereka. PLWS mempunyai dua (2) komponen iaitu Komponen Tetap dan Komponen Berubah. Komponen Tetap merangkumi gaji pokok, kenaikan gaji tahunan dan bonus kontraktual (jika berkaitan). Manakala Komponen Berubah merujuk kepada kenaikan gaji tahunan berdasarkan peningkatan produktiviti atau formula pengagihan keuntungan.